

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 SEPTEMBER 2016

Rebut pelaburan di Laos – Najib

Um-7/9/2016

VIENTIANE 6 Sept. - Syarikat-syarikat Malaysia perlu mengambil peluang daripada keterbukaan, dasar liberalisasi dan usaha kerajaan Laos mewujudkan suasana perniagaan yang lebih kondusif sebagai faktor penarik untuk meningkatkan pelaburan dan perdagangan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, potensi besar Laos juga dapat dilihat daripada pertumbuhan Dalam Negara Kasarnya sebanyak 7.6 peratus pada tahun lalu dan jangkakan 7.9 peratus pada tahun ini.

“Setakat ini pelaburan Malaysia berjumlah AS\$569.6 juta (RM2.34 bilion), menjadikan Malaysia sebagai pelabur keenam terbesar di negara ini. Namun, dari segi perdagangan, jumlahnya hanya A\$17.7 juta (RM72.57 juta).

“Lihat itu sebagai peluang untuk melakukan lebih lagi,” katanya ketika berucap dalam majlis pertemuan dengan komuniti perniagaan Malaysia di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Duta Malaysia ke Laos, Datuk Tan Tai Hing dan 25 wakil syarikat dan komuniti

perniagaan Malaysia di sini.

Perdana Menteri berada di sini sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-28 dan 29 dan sidang kemuncak berkaitan yang bermula hari ini.

Ketika ini, empat buah bank Malaysia iaitu RHB, Public Bank, Maybank dan CIMB sudah beroperasi di sini manakala beberapa syarikat lagi terlibat dalam bidang infrastruktur, janakuasa hidro, zon perdagangan dan juga perlombongan.

Antara projek yang sedang dimajukan oleh syarikat Malaysia ialah pembinaan landasan kereta api sepanjang 220 kilometer menghubungkan Savannakhet di sempadan Laos-Thailand ke Lao Bao di sempadan Vietnam bernilai RM10.25 bilion dan tiga daripada 13 Zon Ekonomi Spesifik Khas bernilai RM12 bilion.

Dalam hubungan itu, beliau memuji penubuhan Dewan Perniagaan Malaysia di Laos yang dilihat mampu mengukuhkan lagi perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara serta menjadi perintis kepada lebih banyak syarikat Malaysia melebarkan sayap ke negara ini.

Najib berkata, kejayaan syarikat-syarikat Malaysia di sini turut dibantu oleh hubungan akrab antara kerajaan kedua-dua negara yang telah memudahkan banyak urusan berjalan dengan lancar.

Justeru, Perdana Menteri menegaskan, jangan sesekali memburukkan nama Malaysia di luar negara kerana itu akan merosakkan nama baik, jenama dan kualiti produk syarikat Malaysia yang telah terbina sekian lama, sebaliknya komuniti perniagaan harus menjadi duta kecil yang membantu memperkenalkan negara.

“Saya sangat kecewa apabila ada rakyat Malaysia suka memperlekehkan negara,” katanya yang merujuk kepada kadar enam peratus cukai barang dan perkhidmatan yang dikenakan di Malaysia sedangkan di negara lain termasuk Laos, kadarnya lebih tinggi.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Malaysia di Laos, Dr. Muhammad Firuz Hamidun berkata, kedudukan Malaysia dalam senarai pelabur di Laos tidak penting, sebaliknya nilai dan kualiti pelaburan lebih menjadi keutamaan pelabur Malaysia di sini.